

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan wang yang telah dibelanjakan untuk membina rumah-rumah sementara dan kekal untuk mangsa-mangsa banjir besar, yang berlaku pada tahun 2014 di Negeri Kelantan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Rumah Kekal Baharu (RKB) yang dimohon oleh mangsa banjir di negeri Kelantan ialah sebanyak 1,827 unit. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan dipertanggungjawabkan untuk membina 966 unit.

Sehingga 18 April 2016, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan proses penempatan semula mangsa banjir melalui program rumah berkelompok (*Integrated Resettlement Programme*) di sembilan (9) lokasi yang telah dikenal pasti. Sembilan (9) lokasi tersebut melibatkan lima (5) tapak berkelompok di Jajahan Kuala Krai dan empat (4) tapak berkelompok di Jajahan Gua Musang. Matlamat utama penempatan semula adalah bertujuan untuk menempatkan mangsa banjir di kawasan yang dikenalpasti kurang berisiko banjir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa-mangsa banjir tahun 2014 adalah RM 70,873,465.29. Kos tersebut meliputi peruntukan pembinaan rumah kekal serta penyediaan infrastruktur asas. Berikut adalah pecahan kos yang telah diperuntukkan:-

a.	Rumah Banjir (Persekutuan) :	RM 65,566,574.85
b.	Kerja Infrastruktur :	RM 5,306,890.44
	Jumlah keseluruhan :	RM 70,873,465.29

Dalam pada itu, Kerajaan Persekutuan juga turut menyalurkan peruntukan sejumlah RM 12.11 juta kepada Kerajaan Negeri Kelantan

dalam penyediaan infrastruktur asas di empat (4) lokasi pembinaan penempatan berkelompok mangsa banjir. Berikut adalah lokasi pembinaan rumah kekal oleh Kerajaan Negeri Kelantan:-

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|---------------|
| a. | Kg. Telekong (Fasa2), Kuala Krai | : | RM 3.3 Juta |
| b. | Tanah Puteh, Gua Musang | : | RM 2.5 Juta |
| c. | Simpang Tiga Pulai, Gua Musang | : | RM 1.7 Juta |
| d. | Kg. Limau Kasturi, Gua Musang | : | RM 4.61 Juta |
| | Jumlah Keseluruhan | : | RM 12.11 Juta |

Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan yang telah diperuntukan untuk mangsa-mangsa banjir 2014 di Kelantan adalah RM 82,983,465.29.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH : 17 MEI 2014 (SELASA)

SOALAN : 139

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang dipasang kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) di lebuh raya dan jalan Persekutuan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh lapan (8) bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh lapan (8) bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh (7) kes kemalangan maut atau 36.84% bagi tempoh lapan (8) bulan sahaja.

Selain itu, kajian MIROS menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam (6) lokasi kamera tetap AES adalah lebih kurang 63% sebelum pelaksanaan AES dan kadar pematuhan had laju meningkat kepada 91% selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja (*weekdays*). Manakala bagi empat (4) kamera tetap AES di kawasan persimpangan lampu isyarat, kadar pelanggaran lampu isyarat berwarna merah adalah 4.3% sebelum pelaksanaan AES dan menurun kepada 2.2% selepas pelaksanaan AES.

Selepas dua (2) tahun pelaksanaan AES, secara purata kadar pematuhan terhadap had laju yang diwartakan di enam (6) lokasi tetap kamera AES adalah 94% dan kajian terkini pada tahun 2016 menunjukkan kadar pematuhan had laju adalah 95.5%.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kajian yang telah dijalankan di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa sistem ini dapat mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya antara 17% dan 71%. Selain itu, kajian juga mendapati bilangan kenderaan memandu melebihi had laju menurun sebanyak 70%.